

# Klang, Shah Alam dilanda banjir

54. 12/11/06.

**S**HAH ALAM: Beberapa kawasan di sini dan Klang dinaiki air kurang satu meter akibat hujan lebat petang semalam.

Antara punca utama kawasan terbabit dinaiki air adalah limpahan air dari longkang dan parit yang tidak dapat menampung kapasiti air hujan yang banyak berpunca hujan lebat yang bermula jam 3.30 petang.

Antara kawasan yang dinaiki air di sini ialah Padang Jawa, Taman Seri Muda, Seksyen 7 dan Taman Bukit Kemuning.

Dua laluan Lebuh Raya Persekutuan di kawasan tol Sungai Rasau di Klang yang menghala ke arah Kuala Lumpur juga dinaiki air hingga mengakibatkan gangguan lalu lintas kerana hanya satu laluan boleh dilalui.

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), berkata MBSA sedang memantau perkembangan dan akan memindahkan penduduk terutama di kawasan Padang Jawa sekiranya perlu.

Katanya, kebanyakan penduduk di Padang Jawa masih bertahan di rumah masing-masing dan enggan berpindah kerana berharap keadaan akan lebih terkawal terutama selepas hujan berhenti.

Jurucakap itu berkata, pusat pemindahan sementara disediakan di Dewan MBSA Seksyen 7 di sini bagi menempatkan penduduk yang mahu berpindah.

Sehingga 7 malam, kira-kira 10 penduduk dari Padang Jawa berpindah ke pusat pemindahan sementara itu.

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata kebanyakan kawasan yang dinaiki air bukan berpunca daripada limpahan air sungai.

"Pemantauan terhadap paras air Sungai Damansara, yang kerap mengakibatkan banjir di beberapa kawasan di Shah Alam, mendapati ia



**PERJALANAN TERGANGGU:** Lalu lintas sesak menghala ke Shah Alam dari Klang apabila banjir kilat berdekatan Plaza Tol Sungai Rasau, Klang.

berada pada paras terkawal," katanya.

Hujan lebat diikuti petir itu, katanya, menyebabkan beberapa pokok tumbang di Seksyen 2, Seksyen 16 dan Seksyen 25.

"Pihak kita (MBSA) dengan bantuan pihak bomba telah mengalihkan pokok yang tumbang bagi mengelak kesesakan lalu lintas," katanya.

Jurucakap PLUS Expressways berkata, Lebuh Raya Persekutuan kawasan tol Sungai Rasau masih boleh dilalui dengan menggunakan satu laluan.

Kilometer 9 Lebuh Raya Baru Lembah Klang (NKVE) walaupun di-

## FAKTA NOMBOR

Banjir kilat di Klang, Shah Alam

2

Laluan Lebuh Raya Persekutuan di kawasan tol Sungai Rasau

10

Penduduk dari Padang Jawa dipindahkan

naiki air ketika hujan lebat bagaimanapun surut tanpa menjejaskan lalu lintas.

Di Klang, beberapa kawasan dikesan dinaiki air seperti Taman Eng Ang, Taman Chi Liung, Bayu Perdana dan Taman Berkeley.

Kegiatan membeli-belah kembali seperti sedia kala di kawasan tumpuan orang ramai Jalan Tengku Klana selepas hujan reda walaupun beberapa kedai di situ dimasuki air.

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Perbandaran Klang berkata, buat masa ini tidak terdapat keperluan memindah penduduk ke pusat pemindahan sementara. - Bernama

MOKHSIN ABIDIN | BERTTA MINGGU